


PEMBENTANGAN PENYELIDIKAN PEMERDAGANGAN ORANG: KAJIAN KES WARGA VIETNAM DAN INDONESIA DI MALAYSIA



NORKAMILAH BINTI ZANIAL
5 September 2019

PERNYATAAN MASALAH

Ancaman keselamatan bukan tradisional daripada jenayah rentas sempadan mula diperbincangkan dalam kalangan sarjana keselamatan pasca Perang Dingin. Pernerdagangan orang merupakan antara industri jenayah rentas sempadan yang terlaris di dunia dengan keuntungan tahunan mencecah antara 1 hingga 3 bilion dolar Amerika (USD\$1 - USD\$3 bilion) setahun serta melibatkan jumlah anggaran mangsa pernerdagangan seramai 600,000 hingga 800,000 orang di seluruh dunia setiap tahun. Menurut MAPO (2017), seramai 1,017 orang warga Vietnam dan 659 orang warga Indonesia diselamatkan oleh pihak berkuasa bagi tempoh Januari 2017 hingga November 2017. **Mengapakah kes pernerdagangan orang melibatkan warga Indonesia dan Vietnam semakin meningkat di Malaysia walaupun setelah pelbagai usaha dilaksanakan oleh Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan bagi mengatasinya?**

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini mempunyai 3 objektif:

1

Mengenal pasti latar belakang, senario jenayah pemerdagangan orang di Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan jenayah pemerdagangan orang warga Indonesia dan Vietnam di Malaysia

2

Menganalisis bentuk modus operandi jenayah pemerdagangan orang warga Indonesia dan Vietnam di Malaysia

3

Membincangkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam membendung jenayah pemerdagangan orang melibatkan warga Indonesia dan Vietnam terutamanya dari aspek penguatkuasaan

KERANGKA TEORI DAN KONSEPTUAL

Teori Neoliberalisme

- Menjelaskan peranan yang dimainkan oleh **aktor bukan negara** seperti sindiket jenayah rentas sempadan
- Perkembangan jenayah pemerdagangan orang didorong oleh ideologi neoliberalisme seperti pengaruh globalisasi, liberalisasi transaksi merentas sempadan, peningkatan aliran modal dan tumpuan kepada penswastaan.

Konsep Jenayah Rentas Sempadan

- Jenayah atau kesalahan serius dilakukan oleh kumpulan individu berstruktur terdiri daripada 3 orang atau lebih, didorong oleh keinginan untuk mendapatkan faedah kewangan atau faedah lain secara langsung atau tidak langsung.
- Melibatkan jenayah dilakukan di lebih daripada satu negara; jenayah yang dilakukan di satu negara sahaja namun sebahagian besar perancangan dan persediaan dilaksanakan di negara yang lain; jenayah yang dilakukan di satu negara sahaja tetapi mempunyai penglibatan kumpulan jenayah terancang yang beroperasi di negara lain; dan jenayah yang dilakukan di satu negara sahaja namun memberi impak besar kepada negara yang lain

KERANGKA TEORI DAN KONSEPTUAL

Konsep Pemerdagangan Orang

- Menurut ATIPSOM 2007, segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud Akta ini.
- Berbeza dengan penyeludupan migran yang merujuk kepada kegiatan atau aktiviti membawa masuk dan keluar seseorang yang bukan warganegara dari negara asing menggunakan pintu masuk yang tidak diwartakan.

Konsep Keselamatan Insan

- Konsep keselamatan insan mengandungi 2 aspek penting iaitu (i) selamat dari ancaman kronik seperti kelaparan, wabak penyakit dan penindasan, dan (ii) perlindungan dari gangguan kepada pola kehidupan seharian secara tiba-tiba dan membahayakan, baik di tempat tinggal, pekerjaan atau sesebuah komuniti.
- Ancaman keselamatan insan:
 - keselamatan peribadi
 - keselamatan komuniti
 - keselamatan ekonomi

KERANGKA PENYELIDIKAN/ANALISIS

Pembolehkan Tidak Bersandar

Faktor-Faktor Mempengaruhi

- Faktor Ekonomi
- Faktor Perkembangan Teknologi
- Faktor Sosial

Pembolehkan Perantara

- Sindiket & Jaringan Jenayah Pemerdagangan Orang
- Dasar & Penguatkuasaan

Pembolehkan Bersandar

**Pemerdagangan Orang
Warga Vietnam dan
Indonesia di Malaysia**

Kaedah KUALITATIF

Data Primer

Temubual mangsa pemerdagangan orang warga Indonesia & Vietnam yg diselamatkan

Temubual pegawai kerajaan yg terbabit

Data Sekunder

**Penerbitan & dokumen
-buku
-artikel jurnal**

Artikel surat khabar

BATASAN KAJIAN

- Pengumpulan data di negara dikaji tidak dapat dilakukan kerana faktor lokasi dan kekangan kewangan
- Masalah bahasa ketika sesi temubual


KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

- ❑ Supaya dapat dimanfaatkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dalam menilai semula keberkesanan dasar dan penguatkuasaan undang-undang sedia ada.
- ❑ Panduan kepada NGO untuk menambahbaik program pencegahan sedia ada
- ❑ Dapat mempergiatkan perdebatan dan wacana berkaitan pemerdagangan orang dalam kalangan ahli akademik dan membolehkan:
 - Memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai faktor penarik dan faktor penolak jenayah pemerdagangan orang;
 - Mengenalpasti bagaimana jenayah rentas sempadan pemerdagangan orang menjalankan modus operandi mereka;
 - Memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang; dan
 - Menambah bahan kajian dan dokumentasi berkaitan usaha-usaha dan inisitif negara dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Kajian 1

Pemerdagangan orang dalam kalangan warga Indonesia dan Vietnam di Malaysia bukan satu isu baru, ia semakin meningkat berikutan faktor ekonomi, faktor sosial dan perkembangan teknologi yang mendorong penghijrahan rakyat dari kedua-dua buah negara ke Malaysia.



Rajah 2.6 Jumlah Penghuni Rumah Perlindungan Kuala Lumpur Mengikut Negara Tahun 2011 – 2016

Sumber: Jabatan Pembangunan Wanita 2017

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Kajian 1

Pemerdagangan orang dalam kalangan warga Indonesia dan Vietnam di Malaysia bukan satu isu baru, ia semakin meningkat berikutan faktor ekonomi, faktor sosial dan perkembangan teknologi yang mendorong penghijrahan rakyat dari kedua-dua buah negara ke Malaysia.

Faktor Ekonomi

- Kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi di bandar dan luar bandar – migrasi bagi mendapatkan peluang pekerjaan
- Tahap pendidikan rendah – mudah diperdaya
- Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat & permintaan buruh murah

Faktor Perkembangan Teknologi & Faktor Sosial

- Teknologi maklumat sebagai saluran mendapatkan mangsa – penggunaan media sosial (*Facebook*), iklan peluang pekerjaan dalam talian dan forum sembang
- Pengaruh rakan senegara dan ahli keluarga
- Keserumpunan budaya- makanan & bahasa

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Kajian 2

Globalisasi mendorong penularan jaringan jenayah rentas sempadan terutamanya di negara yang miskin, berkonflik dan negara yang mempunyai penguatkuasaan yang lemah seperti Indonesia dan Vietnam.


Faktor Globalisasi

- Kecanggihan teknologi dan kemajuan pengangkutan memudahkan hubungan jaringan sindiket jenayah serta memudahkan urusan perekrutan dan penyeludupan mangsa
- Peluang menjana keuntungan lumayan-permintaan tinggi & pasaran

Modus Operandi


- Laluan masuk yang sah
- Penipuan oleh ejen dan penyebaran maklumat palsu menerusi internet
- Paksaan dan kekerasan oleh ejen atau majikan – ancaman keselamatan insan (peribadi dan kesihatan)
- Ikatan hutang – perlu membayar hutang tinggi

DAPATAN KAJIAN



Rajah 2.4: Jumlah Mangsa Eksploitasi Seksual Mengikut Negara dan Tahun

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia 2017



Rajah 2.5: Jumlah Mangsa Eksploitasi Buruh Mengikut Negara dan Tahun

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia 2017

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Kajian 3

Kajian Kes (Data Primer) Eksploitasi Seksual dan Eksploitasi Buruh

Eksploitasi Seksual

- Kes 1- Min (asal Vietnam) mendapat tawaran kerja sebagai tukang urut di Malaysia melalui laman Facebook
- Kes 2- Kim (asal Vietnam) mendapat maklumat kerja tukang urut melalui rakan senegara
- Kes 3- Nguyen (asal Vietnam) mendapat maklumat kerja tukang urut melalui rakan senegara
- Ketiga-tiga berasal dari keluarga kurang berada dan bersekolah sehingga sekolah menengah

Eksploitasi Buruh

- Kes 4- Amy (asal Indonesia) ditipu oleh ejen dan dibawa bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia, diugut dan dipukul oleh majikan
- Kes 5- Nadia (asal Indonesia) ditawarkan ejen untuk bekerja kilang tetapi dijadikan sebagai pembantu rumah dan pembersih kediaman, dipukul majikan dan perlu memasak hidangan tidak halal kepada majikan
- Kes 6- Lily (asal Indonesia) bekerja sebagai pembantu restoran tidak halal, didera oleh majikan
- Ancaman keselamatan insan (peribadi & kesihatan)

Dapatan Kajian 4

Kerajaan Malaysia didapati komited dan gigih mempergiat usaha menangani jenayah rentas sempadan pemerdagangan orang, namun masih terdapat kelemahan melibatkan aspek penguatkuasaan

Penguatkuasaan

- Masalah kekurangan tenaga kerja – pemerdagangan orang merupakan skop kerja tambahan
- Prosedur pemerdagangan orang berbeza daripada kes jenayah lain – Pegawai Penyiasat perlu mendapatkan Perintah Perlindungan Interim dan Perintah Perlindungan bagi mangsa yang diselamatkan
- Tidak mempunyai latihan mencukupi- kesukaran mengenal pasti mangsa pemerdagangan orang
- Isu salah guna kuasa dan gejala rasuah dalam kalangan kakitangan penguatkuasaan
- Persempadanan Malaysia yang panjang dan poros meliputi sempadan daratan dan pesisir pantai yang sukar dikawal

DAPATAN KAJIAN

AGENSI PENGUATKUASA	TAHUN							JUMLAH
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
Polis Diraja Malaysia	15	127	104	86	140	82	112	666
Jabatan Imigresen Malaysia	2	24	20	26	48	17	16	153
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	0	0	2	0	0	0	0	2
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	0	0	6	1	0	0	1	8
Jabatan Tenaga Kerja	0	0	0	4	7	1	6	18
JUMLAH KESELURUHAN	17	151	132	117	195	100	135	847

Jadual 4.1: Operasi Serbuan
Pemerdagangan Orang oleh
Agensi Penguatkuasaan
Pemerdagangan Orang dari
tahun 2008 sehingga 2014

Sumber: Zuraini Ab Hamid et
al. 2017

KESIMPULAN

- ▶ Kajian empirik yang dijalankan menunjukkan peningkatan kes pemerdagangan orang melibatkan warga Indonesia dan Vietnam di Malaysia disebabkan oleh dua isu utama iaitu:
 - (i) Isu Dalaman – Isu pelaksanaan dasar penguatkuasaan yang masih lemah dan perlu ditambahbaik
 - (ii) Isu Luaran – Peningkatan jaringan jenayah rentas sempadan
- ▶ Pendekatan Neoliberalisme berkaitan dengan keterbukaan ekonomi membawa faedah kepada negara, namun turut mendorong perkembangan jenayah pemerdagangan orang yang memberi ancaman kepada keselamatan insan penduduk Indonesia dan Vietnam.
- ▶ Cadangan: Kerjasama pelbagai pihak terutamanya dalam aspek penguatkuasaan diperlukan bagi membendung permasalahan jenayah pemerdagangan orang dalam kalangan warga Indonesia dan Vietnam kerana Malaysia masih bergantung kepada pekerja asing. Perkembangan pemerdagangan orang secara tidak langsung menghalang pertumbuhan ekonomi negara.

TERIMA KASIH

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Tema 1: Pemerdagangan Orang Sebagai Jenayah Transnasional

May (2017), Mitchell (2016), Gallagher & Skrivankova (2015), Munro (2012), Haken (2011), Rahman (2011), Wheaton, Schauer & Galli (2010),

Chanda (2017), Tzevelekos (2017), Firdaus Misran & Zarina Othman (2015), Zhidkova (2015), Pati (2014), Okubo & Shelley (2011), Ahmad Shah et al. (2011), Aronowitz, Theuermann & Tyurykanova (2010), Akaha (2009), Dordevic (2009), Emmers (2004), Emmers (2003)

Penulis membincangkan ciri-ciri jenayah rentas sempadan dan pemerdagangan orang namun tidak melihat daripada perspektif hubungan antarabangsa dan kajian keselamatan

Penulis membincangkan pemerdagangan orang berdasarkan perspektif hubungan antarabangsa dan keselamatan insan, serta perkaitannya dengan globalisasi namun tidak membincangkan pendekatan neoliberalisme

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Tema 2: Pemerdagangan Orang Melibatkan Warga Indonesia dan Vietnam di Peringkat Antarabangsa

Trinh (2015), Dinh et al. (2014), Vijayarasa (2013), Child Exploitation & Online Protection Centre (2011), Tucker et al. (2010), Rushing (2006), Farhana et al. (2015), Andrevski & Lyneham (2014), Nafisah Ilham Husin (2013), Sukma (2008), Sugiarti et al. (2006)

Kajian membincangkan wujudnya pemerdagangan orang di Vietnam dan Indonesia tetapi tidak membincangkan Malaysia sebagai sebuah negara destinasi secara terperinci

Tema 3: Isu Jenayah Pemerdagangan Orang di Malaysia

Khairil & Zuraini (2016), Satria Putra (2016), Zuraini A Hamid (2015), Kartini Aboo Talib (2015), Azizah Kassim (2015), Mohd Na'eim et al. (2015), Zarina Othman et al. (2015), Suhana & Ali (2014), Wan Nur Ibtisam et al. (2014), Tan Swee Leng et al. (2014), Norcikeyonn & Nor-Ina (2013), Gusni Saat (2012), Stanlas (2010), Gusni Saat (2009)

Penulis membincangkan isu-isu pemerdagangan orang di Malaysia tetapi kajian kurang memfokuskan mengenai pemerdagangan orang dalam kalangan warga Vietnam